

Tanaman sagu diperluas

SELASA • 30 Oktober 2012 • 14 Zulhijah 1433H •

“Sarawak adalah pengeluar utama kanji sagu di negara ini dengan lebih 90 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dieksport oleh Malaysia.”

PEHIN SRI HAJI
ABDUL TAIB MAHMUD
Ketua Menteri Sarawak

GARRET DAWUM

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Kerajaan akan memperluaskan tanaman sagu untuk tujuan komersial dengan menyediakan pelbagai kemudahan serta dana penyelidikan setiap tahun agar penyelidikan dan pembangunan sagu dapat dimajukan di negeri ini.

Ketua Menteri, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata tanaman sagu merupakan antara pengeluar kanji utama yang memberikan pulangan kepada ekonomi di negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia.

Jelasnya, sagu digunakan oleh masyarakat tempatan sejak beratus tahun dahulu sebagai makanan ruji dan penyelidikan berterusan yang dijalankan terhadap sagu membuktikan sagu adalah antara sumber kanji sebagai makanan pilihan utama pada masa akan datang.

“Sarawak adalah pengeluar utama kanji sagu di negara ini dengan lebih 90 peratus daripada jumlah keseluruhan yang dieksport oleh Malaysia.

“Ia merupakan komoditi utama Sarawak dengan jumlah eksport tahunan dalam lingkungan 60,000 hingga 70,000 tan dan jumlah pendapatan ham-pir mencecah USD10 juta setahun,” katanya. Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Simposium Sagu Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) Ke-2 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, hari ini.

Simposium anjuran bersama CRAUN Research Sdn Bhd, Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO), kawasan Asia Pasifik (FAO-RAP), Thailand akan diadakan dari 29 hingga 31 Oktober dengan tema “Advances in Sago Research and Development” akan disertai kira-kira 120 orang peserta dari dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, Taib berkata, memandangkan industri kanji sagu merupakan salah satu penjana pendapatan ekonomi negeri ini, maka penyelidikan dan pembangunan sagu perlu dipertingkatkan terutama di kawasan menjurus ke arah cara yang lebih lestari, diurus serta dirancang dengan baik.

“Penyelidikan itu penting untuk meningkatkan pendapatan kepada penanam pokok sagu, pengilang dan penge-



RASMI ... Pehin Sri Taib menurunkan tandatangan di atas poster Simposium Sagu Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) Ke-2 sebagai simbolik perasmian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), semalam. Turut kelihatan Datu Dr. Hatta Solhi dan Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid.

luar kanji sagu selain menjadikan sagu sebagai hasil sampingan serta tanaman kontan kerana sagu akan menjadi sumber penting dalam tambahan bahan makanan pada masa akan datang,” katanya.

Ujarnya, untuk memastikan penye-

lidikan dan pembangunan sagu berjalan lancar, maka sistem pengangkutan, cara dan kaedah mendapatkan sagu dan produktiviti dari segi tenaga kerja perlu dipertingkatkan terutama di kawasan penanaman sagu.

Beliau berkata, kerajaan negeri telah memperuntukkan 100 hektar tanah sebagai pusat penyelidikan kepada UNIMAS di kawasan Mukah untuk memajukan penyelidikan dan pembangunan sagu di negeri ini.

“Peruntukan tanah itu telah menjadi satu aset kepada UNIMAS untuk dijadikan estet eksperimen bagi penye-

lidikan sagu agar dapat mengekalkan tanaman sagu sebagai sumber makanan tambahan,” katanya.

Dalam pada itu, Khairuddin berkata, hasil penyelidikan yang dibentangkan dalam simposium berkenaan dapat memperluaskan dan menggalakkan kerjasama berterusan dalam kalangan penyelidik, ahli akademik dan pengamal teknologi dalam usaha menjayakan sasaran negara untuk melahirkan modal insan kelas pertama dan masyarakat saintifik.

“Perkara itu juga penting bagi mencapai model ekonomi baharu negara (k-economy) terutama dalam pembangunan lestari dan penemuan teknologi baharu yang mesra alam serta terkini

untuk memenuhi keperluan pada masa akan datang,” katanya.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Simposium Sagu ASEAN Ke-2, Prof Madya Dr Hairul Azman Roslan, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi, Pemangku Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber UNIMAS, Prof Madya Dr Mohd Hasnain Md Hussain, Ketua Pengarah Eksekutif CRAUN Sdn Bhd, Malaysia, Yusup Haji Sobeng, Timbalan Reaktor (Perniagaan dan Komunikasi), IPB, Indonesia, Dr.Ir.H Arif Imam Suroso dan Penolong Pengarah FAO Asia Pasifik, Thailand, Hideyuki Konuma.